

# Kabinet lulus kenaikan yuran: PM

Oleh WAN HAMIDI HAMID  
dan  
NORAZMI ABDUL TALIB

**KUALA LUMPUR:** Kenaikan yuran semua universiti bagi sesi pengajian Julai 1991/92 untuk menampung perbelanjaan belajar yang semakin meningkat, sudah dipersetujui oleh Kabinet, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan menyerahkan kadar kenaikan yuran berkenaan untuk diputuskan oleh Kementerian Pendidikan.

"Kita tidak menetapkan kadar tetapi bersetuju yuran itu dinaikkan kerana perbelanjaan belajar semakin meningkat," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, petang semalam.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, adalah penting bagi mereka yang belajar di universiti mengeluarkan perbelanjaan bagi pembelajaran "kerana sesuatu yang didapati secara percuma itu kadang kala tidak dihargai".

"Kalau terpaksa bayar, mereka akan tumpu kepada masa belajar dan tidak akan tertumpu kepada kegiatan lain," katanya.

Mesyuarat khas Persidangan Naib Canselor universiti tempatan 18 Februari lalu, menetapkan kadar yuran pengajian kepada tiga bahagian, iaitu diploma, ijazah pertama dan sarjana.

Bagi ijazah pertama (BA), kadarnya ialah \$3,000 hingga \$8,000 tetapi penentuan yuran adalah mengikut bidang pengajian berdasarkan kos sebenar.

Kadar bagi sarjana (MA) pula ialah \$3,000 hingga \$10,000 dengan setiap bidang ditentukan berasaskan kos sebenar bagi pengajian berkenaan manakala bagi diploma pula, kadarnya ialah di antara \$1,000 dan \$3,000.

Ditanya mengenai usaha Amerika Syarikat memujuk Indonesia dan Jepun agar tidak menyertai Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG), Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak hairan dengan tindakan sedemikian.

"Memanglah Amerika Syarikat tidak suka kepada orang lain menubuhkan satu badan yang dianggotai oleh negara itu.

"Kita terima pendirian Amerika Syarikat. Namun begitu, kita akan terus berusaha menubuhkan EAEG," katanya.

Kepada soalan sama ada Malaysia akan berusaha menghalang kempen Amerika itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak mempunyai rancangan itu kecuali memberi penerangan mengenai rancangan mewujudkan EAEG.

Menurut Perdana Menteri, dalam perbincangannya dengan Presiden Soeharto ketika lawatan ke Indonesia baru-baru ini, Indonesia sebenarnya sudah menyatakan persetujuan.

"Indonesia dan Jepun tidak menolak kecuali belum membuat keputusan saja," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, akan ke Jepun untuk berbincang dengan rakan sejawatnya.

Selain itu, katanya, kerajaan akan mengambil peluang menerangkan rancangan penubuhan EAEG kepada Perdana Menteri Jepun, Toshiki Kaifu, yang dijadualkan melawat Malaysia, bulan depan.